



PEJABAT PERDANA MENTERI
AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

PELUNCURAN KAMPUNG DAN SEKOLAH ANGKAT MADANI AKM 2026 **PERKASA PEMBANGUNAN KOMUNITI DAN PENDIDIKAN LUAR BANDAR**

LABU, NEGERI SEMBILAN, 19 Jun 2026 - Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri hari ini melancarkan Program Kampung dan Sekolah Angkat MADANI 2026 yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Utama Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan. Program tersebut melibatkan Kampung Pulau, Mukim Labu serta Sekolah Rendah Tahfiz Al-Quran Integrasi (SRTAQI) Al-Irshad sebagai penerima manfaat program pembangunan komuniti dan pendidikan di bawah inisiatif Kerajaan MADANI.

Program ini memperuntukkan sebanyak RM500,000 kepada Kampung Pulau bagi menaik taraf kemudahan asas kampung, manakala RM100,000 disalurkan kepada SRTAQI Al-Irshad untuk memperkukuh prasarana dan kemudahan pendidikan.

Dalam ucapan perasmian, kerajaan negeri menyifatkan program tersebut sebagai model pembangunan holistik yang bukan sahaja memberi tumpuan kepada pembangunan fizikal, malah memperkukuh institusi pendidikan dan kesejahteraan komuniti setempat secara mampan.

Turut hadir ke majlis, Yang Berbahagia Dato' Dr. Roslan bin Hussin, Ketua Pengarah, Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM), Pejabat Perdana Menteri (PMO); YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah; YM Dato' Haji Kamarudin bin Haji Mohd Awal, Datok Muda Labu, Bergajah Tunggal, Merangkap Dato' Lembaga Luak Sungei Ujung; YBrs. Encik Mohd Lazimda bin Adam, Pengerusi JPKK Kampung Pulau, Mukim Labu; YBrs. Puan Sharifah Norrasyida binti Syed Nordin, Guru Besar Sekolah Rendah Tahfiz Al-Quran Integrasi Al-Irshad dan Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan.

Program Kampung dan Sekolah Angkat MADANI turut dilihat sebagai manifestasi kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam memastikan agenda pembangunan dapat disampaikan secara terus kepada rakyat di peringkat akar umbi.

Pemilihan SRTAQI Al-Irshad sebagai Sekolah Angkat MADANI mencerminkan komitmen kerajaan dalam melahirkan generasi berilmu, berakhlak serta berkemahiran tinggi melalui pengukuhan pendidikan yang mengimbangi aspek akademik, teknologi dan penghayatan Al-Quran.

Masyarakat Kampung Pulau turut diseru agar memainkan peranan aktif dalam memastikan kejayaan program melalui semangat gotong-royong, pemantauan projek serta pemeliharaan kemudahan yang bakal dibangunkan demi manfaat generasi akan datang.

Program ini selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI yang menekankan pembangunan inklusif, pengurangan jurang sosioekonomi serta peningkatan kualiti hidup rakyat tanpa mengira lokasi dan latar belakang.

Majlis peluncuran tersebut disempurnakan dengan perasmian Kampung dan Sekolah Angkat MADANI: Kampung Pulau, Mukim Labu dan SRTAQI Al-Irshad di bawah seliaan AKM, Pejabat Perdana Menteri.

AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA
PEJABAT PERDANA MENTERI
19 JUN 2026
